

Peluang kerja

B.H 114 MAY 1992

cukup: PM

(n)
Daripada Rahim Zain

LONDON, Rabu — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi jaminan kepada pelajar Malaysia di luar negara supaya tidak bimbang untuk pulang ke tanahair kerana peluang bekerja kini lebih daripada mencukupi.

Malah, katanya, buat masa ini negara terpaksa meminjam tenaga pekerja luar, terutama dari negara jiran bagi menampung kekurangan tenaga pekerja.

"Malaysia bernasib baik kerana pertumbuhan ekonominya adalah antara yang menggalakkan berbanding negara lain, termasuk negara maju," katanya dalam perjumpaan dengan kira-kira 300 pelajar di dewan Jabatan Pelajar Malaysia (MSD) di sini petang semalam.

Dr Mahathir yang dalam perjalanan ke Se-

panyol, singgah di London dalam kunjungan peribadinya. Turut hadir dalam perjumpaan itu ialah Bendahari Umno, Tun Daim Zainudin dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom, Tan Sri Wan Sidek Abdul Rahman.

Kelmarin Dr Mahathir meluangkan masa berjumpa Perdana Menteri Britain, John Major.

Beliau berkata, ramai rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara sudah pulang untuk merebut peluang kerja yang ada.

Malah, katanya, kerajaan tidak lagi mengambil graduan bekerja melalui program bekerja sementara.

Dr Mahathir menegaskan, ini semua adalah hasil usaha kerajaan yang berjaya membangunkan ekonomi di samping dapat mengekalkan keamanan

di kalangan penduduk berbilang kaum.

"Malaysia kini mula dikagumi. Dulu Malaysia dikecam hebat oleh negara-negara maju, terutama Amerika Syarikat kerana Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dituduh oleh mereka sebagai penindasan.

"Kini, mereka yang mengutuk Malaysia datang bertanya dan menjadikan sistem kita sebagai contoh.

"Amerika umpamanya pernah melancarkan projek untuk membahagikan hasil kekayaannya sama rata dengan tujuan meningkatkan taraf hidup penduduk kulit hitam.

"Tetapi disebabkan seorang penduduk kulit putih membuat tuntutan di mahkamah mendakwa ia penindasan untuk kulit

LIHAT MUKA 2

Tidak
B.H. 14 MAY 1992
Salah
kita
bangga

DARI MUKA 1

putih, maka mahkamah mengarahkan projek itu dibatalkan.

"Lihatlah kini apa yang berlaku di Los Angeles. Suasana tegang sentiasa wujud kerana rasa tidak puas hati dan akhirnya meletus keganasan.

"Kita sepatutnya bersyukur kepada Allah dan tidak salah kita berbangga sedikit dengan kejayaan itu. Kita berharap dasar yang ada dapat diteruskan demi mengekalkan keharmonian," katanya.

Menjawab soalan mengenai hubungan Umno dengan raja, Dr Mahathir berkata, apa yang dilakukan adalah untuk mempertahankan dan mengekalkan sistem beraja kerana Umno sayang raja.

"Kerajaan tidak mahu melihat rakyat membe-rontak seperti yang berlaku di negara Islam yang mengamalkan sistem beraja. Apa sudah jadi dengan Iran, Mesir, Iraq dan banyak lagi negara lain yang penasihat raja tidak membuat teguran," katanya.